sanggup berpisah dengan anak kandungnya untuk dijadikan anak orang lain untuk selama-lamanya. Dalam kes *Re Wan Yijun & Anor.* [1991] 1 MLJ 16 pada muka surat 22, Wee Chong Jin CJ berkata:

> In delivering their judgment, the High Court in *Mace v. Murray* made a few relevant dicta which are noteworthy. At p. 330 they said:
>
> > ... powerful reasons must be shown before a court can properly deem it just and reasonable, notwithstanding a mother's objection, to sever the relationship between her child and herself and make the child for most purposes of the law, and consequently, for most practical purposes, the child of other persons.
>
> Again at p. 335 they said:
>
> > It must be conceded at once that in the ordinary case the mother's moral right to insist that her child shall remain her child is too deeply grounded in human feeling to be set aside by reason only of an opinion formed by other people that a change of relationship is likely to turn out for the greater benefit of the child.
>
> For all these reasons and in the exercise of my discretion I did not dispense with the consent of the natural mother and therefore dismissed both petitions with costs to be borne by the petitioners.

Atas alasan di atas saya membenarkan permohonan ini seperti dipohon oleh plaintif dalam Lampiran (1).

YEE YAT WAH

lwn.

HOO WONG @ HOH SEE WONG & 1 LAGI DAN SHIM CHIN TONG (PIHAK KETIGA)

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
DATO' HAJI WAN MOHAMED BIN WAN MUSTAPHA H.
[GUAMAN SIVIL NO. P. 25-471-86]
24 MEI 1994

TORT: Kemalangan jalanraya - Kecederaan - Kepatahan tibia, femur dan hemipelvis serta hilang daya seks - Tuntutan gantirugi - Taksiran - Plaintif masih boleh bekerja - Samada award untuk kehilangan pendapatan boleh diberi.

Ini adalah tuntutan untuk gantirugi am dan khas yang dibuat oleh plaintif terhadap defendan-defendan akibat dari satu kemalangan jalanraya di mana motosikal yang ditunggang oleh pihak ketiga dan dibonceng oleh plaintif telah digesel oleh motorlori yang dipandu oleh defendan pertama dan dimilikki oleh defendan kedua. Fakta menunjukkan bahawa Mahkamah telah memutuskan bahawa defendan pertama bertanggungan sekadar 60% dan penunggang motosikal bertanggungan sekadar 40%.

Akibat dari kemalangan tersebut, plaintif telah mengalami beberapa kecederaan berupa kepatahan tulang dibeberapa bahagian anggota badannya serta hilang daya seksnya dan menuntut gantirugi daripada defendan-defendan. Persoalan yang timbul hanyalah tentang quantum gantirugi yang sepatutnya diberi kepada plaintif.

Diputuskan:

[1] Berdasarkan laporan doktor yang menyatakan bahawa " his fractured right tibia had healed well and he had full range of movement of his right knee joint and right ankle joint", gantirugi yang berpatutan bagi kepatahan pada tulang betis kanan adalah RM10,000.

[2] Bagi kepatahan pada tulang peha kiri, kepatahan tersebut telah menyebabkan kependekan sebanyak 0.5 cm dan plaintif terpaksa berjalan dengan mengengjut. Gantirugi sebanyak RM16,000 adalah berpatutan.

[3] Bagi kepatahan tulang punggung award gantirugi sebanyak RM12,000 diberi berdasarkan pengesyoran kedua-dua pihak.

[4] Walaupun doktor-doktor yang memeriksa plaintif bukan doktor pakar urology namun keterangan mereka yang mengatakan plaintif hilang daya seks boleh diterima oleh kerana mereka telah memeriksa plaintif dan mendapati bahawa plaintif telah hilang sensasi dan tidak boleh mengeraskan kemaluannya. Untuk kehilangan daya seks award sebanyak RM60,000 adalah munasabah.

[5] Oleh kerana plaintif masih dapat bekerja selepas tempoh dua tahun dan mendapat gaji yang lebih selepas itu, maka tidak ada award untuk kehilangan pendapatan masa hadapan. Namun, untuk kesakitan dan kesengsaraan akibat daripada kecederaan yang dialami award sebanyak RM12,000 adalah sesuai dan patut.

[6] Berdasarkan kepada tanggungan 100% jumlah gantirugi am ialah RM122,000. Oleh kerana defedna-defendan bertanggungan hanya sekadar 60% maka mereka diperintah membayar 60% dari jumlah tersebut. Selain itu defendan-defendan juga mesti membayar 60% dari gantirugi khas yang telah dipersetujui.

[Tuntutan gantirugi dibenarkan seperti keputusan].

Kes-kes yang dirujuk:
Loh Gun Woh lwn. Yong Swee Hin & Anor. [1986] 1 MLJ cxxxii ***(dirujuk)***
Udhayakumar lwn. Chin Kon Tai [1985] 1 CLJ 390 ***(dirujuk)***
Seow Gek Soo @ Yeo Gek Soo lwn. Chia Mun Fook; Ee Chye Heng lwn. Chia Mun Fook [1989] 1 CLJ 985 ***(dirujuk)***
Bak Bee Choe & Anor. lwn. Sgt. Leong Colin Anesbury, Penang High Court Civil Suit No. 467 of 1982 ***(dirujuk)***
Mohd. Shariff bin Rantau lwn. Hj. Zainal Abidin bin Hj. Yaacob [1984] 2 CLJ 241 ***(dirujuk)***
Victor Alphonse Sebastian & Ors. lwn. Lee Ah Leek [1987] 2 MLJ xxi ***(dirujuk)***
Yohaini bin Abu Bakar lwn. Ong Soon Lan [1988] 1 MLJ xxxv ***(dirujuk)***

Bagi pihak plaintif - Kutbuddin bin Asgar Ali; T/n. Amir Toh Francis & Partners
Bagi pihak defenden - S. Suresh; T/n. R. K. Nathan & Co.

ALASAN PENGHAKIMAN

Haji Wan Mohamed Bin Wan Mustapha H: Kes tuntutan gantirugi akibat daripada kemalangan jalanraya ini telah didengar dan diputuskan bahawa defendan pertama (pemandu motorlori) bertanggungan sekadar 60% dan penunggang motosikal, pihak ketiga, yang membawa plaintif sebagai pemboncing bertanggungan sekadar 40%. Defendan pertama (pemandu motorlori) dan defendan kedua sebagai tuan ampunya motorlori tersebut bertanggungan sekadar 60% daripada jumlah gantirugi yang ditaksirkan di bawah ini.

Gantirugi am dan gantirugi khas telah ditaksirkan (assessed) dan perintah mengenai quantum telah dibuat terhadap defendan-defendan. Mereka tidak puas hati mengenai perintah quantum sahaja dan memasukkan rayuan kepada Mahkamah Agung.

Dalam kemalangan ini motosikal yang ditunggang oleh pihak ketiga (saksi plaintif No. 2) telah digesel oleh motorlori yang dipandu oleh defendan pertama di persimpangan jalan yang dipasang dengan lampu isyarat. Plaintif sebagai pemboncing motosikal yang berkenaan telah terjatuh daripada motosikal itu dan bahagian bawah perutnya dan kakinya digilis oleh tayar motorlori yang berkenaan. Akibat daripada kemalangan itu plaintif telah mengalami kecederaan seperti berikut:

(1) Tulang betis (tibia) sebelah kanan patah.
(2) Tulang paha (femur) sebelah kiri patah.
(3) Tulang punggung (hemipelvis) di sebelah kiri patah.
(4) Meninggalkan parut-parut.
(5) Hilang daya sex (impotency)

Plaintif juga menuntut kehilangan pendapatan bagi masa hadapan, kesakitan dan kesengsaraan akibat daripada kecederaan tersebut. Selain daripada itu plaintif juga menuntut gantirugi khas, faedah-faedah dan kos.

I. *Gantirugi Am*

Setelah mendengar keterangan daripada plaintif dan doktor-doktor yang memeriksa plaintif dan membaca laporan-laporan yang dikemukakan sebagai ekshibit-ekshibit Mahkamah membuat taksiran gantirugi am seperti berikut:

(1) *Kepatahan pada tulang betis kanan (tibia)*

Mengikut laporan Dr Teo Wee Sin "his fractured right tibia had healed well and he had full range of movement of his right knee joint and right ankle joint". Untuk kepatahan tulang betis sebelah kanan Mahkamah dapati gantirugi sebanyak RM10,000 adalah berpatutan.

Kes yang dirujukkan oleh peguam pihak plaintif ialah *Loh Gun Woh lwn. Yong Swee Hin & Anor* [1986] 1 MLJ cxxxii.

Kes yang dirujukkan oleh peguam pihak Defendan ialah *Udhayakumar lwn. Chin Kon Tai* [1985] 1 CLJ 390.

(2) *Kepatahan pada tulang paha kiri (left femur)*

Dengan kependekkan sebanyak 0.5 cm dan plaintif berjalan dengan mengengjut serta betis kiri menjadi kecil, Mahkamah memberi gantirugi sebanyak RM16,000.

Plaintif merujuk kepada kes-kes:

(i) *Seow Gek Soo @ Yeo Gek Soo lwn. Chia Mun Fook: Ee Chye Heng v. Chia Mun Fook* [1989] 1 CLJ 985.
(ii) *Bak Bee Choe & Anor. lwn. Sgt. Leong Colin Anesbury,* Penang High Court Civil Suit No. 467 of 1982.

Defendan merujuk kepada kes-kes:

(i) *Mohd. Shariff bin Rantau lwn. Hj. Zainal Abidin bin Hj. Yaacob* [1984] 2 CLJ 241.
(ii) *Victor Alphonse Sebastian & Ors. lwn. Lee Ah Leek* [1987] 2 MLJ xxi.
(iii) *Sek Chu Meng lwn. Lim Kon Son* [1988] 1 MLJ xxxv.
(iv) *Yohaini bin Abu Bakar lwn. Ong Soon Lan* [1988] 1 MLJ xxxv.

(3) *Kepatahan pada tulang punggung (hemipelvis)*

Mahkamah mengawardkan gantirugi sebanyak RM12,000. mengikut pengesyoran kedua-dua pihak.

(4) *Parut-parut (scars)*

Pihak plaintif mengesyorkan RM15,000. dan pihak defendan mengesyorkan RM10,000. Mahkamah memutuskan RM12,000 adalah berpatutan.

(5) *Impotency (hilang daya seks)*

Pihak defendan mengatakan bahawa pihak plaintif telah tidak berjaya membuktikan yang plaintif kehilangan daya seks (impotent). Untuk menentukan samada plaintif mengalami kecacatan ini (impotency), pemeriksaan dan laporan oleh pakar yang tertentu, iaitu oleh seorang urologist, adalah perlu. Dr Teo Wee Sin dan Dr Steve Wong Kang Shen yang memeriksa plaintif bukannya pakar atau seorang doktor urology.

Pihak plaintif mengatakan bahawa keterangan Dr. Teo Wee Sin dan Dr Steve Wong Kang Shen berkenaan dengan kehilangan daya seks plaintif adalah mencukupi.

Mahkamah berpendapat bahawa keterangan Dr Steve Wong yang mengatakan plaintif telah hilang daya seks boleh diterima oleh kerana beliau telah memeriksa plaintif dan didapati bahawa plaintif telah hilang sensasi dan tidak boleh mengeraskan/menegakkan kemaluannya. Ini telah disokong oleh seorang doktor lain, iaitu Dr Teo. Walaupun Dr Steve Wong dan Dr Teo bukannya pakar urology pendapat mereka boleh diterima.

Selain daripada itu Mahkamah telah berpandu kepada:

(1) L aporan Dr. S. S. Chan, Lecturer Surgical Unit, Hospital Universiti, yang menyatakan, di antara lain-lain, plaintif (Yee Yat Wah) telah mengalami kepatahan pada hemipelvis sebelah kiri dan "ruptured membranous urethra".
(2) Laporan Dr. Steve Wong Kang Shen, Consultant Plastic and Reconstructive Surgeon (Exh."PL1"), di antara lain-lain, menyatakan:

> (a) On examination today (22 Mei 1986) I find a longitudinal 9 cm. scar extending from the ventral surface of the base of his penis into the perineum. He has anaesthesia of his penile skin, including the glands penis. He is unable to perform an erection in spite of stimulation.
> (b) Impotence is a well known complication after surgery to the perineal area because of injury to the nerves that supply the penis (S 2, 3, 4). Because he has not had any improvement over the last seven months, it is likely that his impotence is going to be permanent.
> (c) He is a young bachelor and it is probable that he will never have a normal sex life.

(3) Laporan Dr. Teo Wee Sin, Consultant Orthopaedic Surgeon, yang memeriksa plaintif pada 2 October 1989 (Exh."PL.2"), di antara lain-lain menyatakan:

> The rupture of the membranous urethra had healed with the residual disabilities of stress incontinence, frequency of micturition with small stream of urine and sexual impotence. These disabilities are permanent disabilities.

Berdasar kepada keterangan-keterangan yang diberi oleh plaintif, Dr. Steve Wong dan Dr. Teo

serta laporan-laporan doktor-doktor tersebut di atas, Mahkamah dapati adalah munasabah bahawa plaintif telah kehilangan daya seks (impotent).

Untuk kehilangan daya seks ini Mahkamah mengawardkan gantirugi sebanyak RM60,000.

(6) *Kehilangan pendapatan bagi masa hadapan*

Mahkamah dapati plaintif dapat bekerja selepas tempoh 2 tahun dan mendapat gaji yang lebih selepas daripada itu. Oleh itu tiada kehilangan pendapatan bagi masa hadapan.

(7) *Untuk kesakitan dan kesengsaraan* akibat daripada kecederaan yang tersebut di atas, Mahkamah memberi RM12,000.

Jumlah gantirugi am ialah sebanyak RM122,000 berdasar kepada 100% tanggungan. Oleh kerana defendan-defendan bertanggungan sekadar 60%, maka mereka diperintah membayar 60% dari jumlah itu dengan faedah di atas kadar 8% setahun mulai tarikh writ saman diserahkan kepada defendan hingga tarikh pembayaran/ penyelesaian.

II *Gantirugi Khas*

Mengikut penghujahan oleh kedua-dua pihak mengenai gantirugi khas, kedua-dua pihak bersetuju dengan Jumlah sebanyak RM11,150 yang terdiri daripada:

(i)	Kehilangan pendapatan selama 24 bulan di atas kadar RM 430 sebulan:	RM10,800.00
(ii)	Tambang ibu bapa menziarahi plaintif semasa dalam hospital sebanyak 25 kali:	RM 350.00
	Jumlah:	RM 11,150.00

Defendan-defendan hendaklah membayar 60% daripada jumlah gantirugi khas dengan faedah sebanyak 4% setahun daripada tarikh kemalangan hingga tarikh penghakiman (21 Disember 1993), dan 8% setahun daripada tarikh penghakiman hingga tarikh pembayaran/ penyelesaian.

Defendan-defendan juga dikenakan kos yang akan ditaksirkan oleh Penolong Kanan Pendaftar.